

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perkembangan dan hasil operasi pemutihan Rumah Mampu Milik (RMM) yang dilaksanakan pada 2018 dan hingga suku kedua 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, unit-unit rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) tidak boleh disewakan (*sublet*) sama sekali kepada mana-mana pihak luar terutamanya warga asing. Sekiranya pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerima aduan daripada penduduk berkenaan isu penyewaan PPR kepada warga asing, tindakan penguatkuasaan akan diambil tanpa bertolak ansur.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, KPKT pada 5 Jun 2018 telah memberi tempoh selama 3 bulan kepada pemilik rumah PPR untuk mengosongkan atau tidak menyewakan unit-unit PPR mereka kepada orang luar atau warga asing. Sekiranya pemilik gagal untuk mematuhi arahan tersebut, tindakan pembatalan kontrak akan dilakukan dan pemilik PPR tersebut bakal berdepan dengan penalti serta hak pemilikan rumah boleh ditarik balik.

3. Dalam hubungan ini, semua kerajaan negeri telah mengesahkan bahawa tiada penduduk tidak sah yang menduduki PPR Disewa di bawah seliaan kerajaan negeri. Di samping itu, pihak Kementerian sentiasa bekerjasama rapat dengan kerajaan negeri, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi tujuan pemantauan PPR serta memastikan hanya pemilik yang sah sahaja menetap di unit-unit PPR tersebut.

Sekian, terima kasih.